

**MH730 Bawa Penumpang Dari 14 Negara, Termasuk 38 Warga Malaysia
Bernama
8 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Sebanyak 38 rakyat Malaysia adalah antara 227 penumpang dari 14 negara yang menaiki pesawat Malaysia Airlines (MAS) yang dilaporkan hilang awal hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MAS Ahmad Jauhari Yahya berkata pesawat itu membawa 239 orang termasuk 12 anak kapal.

"Warganegara lain yang berada di dalam pesawat itu ialah China (153 termasuk seorang bayi), Indonesia (12), Australia (7), Perancis (3), Amerika Syarikat (3 termasuk seorang bayi).

"Selain itu New Zealand (2), Ukraine (2), Kanada (2), Rusia (1), Itali (1), Taiwan (1), Belanda (1) dan Austria (1)," katanya dalam sidang media di Sepang, dekat sini Sabtu.

Penerbangan MH730 Kuala Lumpur-Beijing yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 pagi tadi dilaporkan terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Subang pada 2.40 pagi ketika di antara ruang angkasa Malaysia-Vietnam, di Laut China Selatan.

Pesawat B777-200 itu dijadual mendarat di Beijing pada 6.30 pagi.

Berikut jumlah penumpang mengikut kewarganegaraan mereka:

. Jumlah : 239 orang

. Penumpang : 227 orang

. Anak Kapal : 12 orang

. Mengikut Negara:

. -----

. 1) China : 152 dan seorang bayi

. 2) Malaysia : 38 orang

. 3) Indonesia : 12 orang

. 4) Australia : 7 orang

. 5) Perancis : 3 orang

. 6) Amerika Syarikat : 3 orang, seorang bayi

. 7) New Zealand : 2 orang

. 8) Ukraine : 2 orang

. 9) Kanada : 2 orang

. 10) Rusia : seorang

. 11) Itali : seorang

. 12) Taiwan : seorang

. 13) Belanda : seorang

. 14) Austria : seorang

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020267>